

NOTIS

KERJA-KERJA PENYUSUNAN SEMULA FREKUENSI SIARAN TV DIGITAL MYFREEVIEW

Kerja-kerja penyusunan semula frekuensi siaran TV digital akan dilakukan bagi pemancar Bukit Fraser dan Gunung Ulu Kali yang terletak di negeri Pahang bagi membolehkan sistem digital beroperasi melalui frekuensi baru dari stesen pemancar yang terlibat.

Untuk makluman, siaran digital myFreeview dipancar melalui 2 frekuensi dari setiap stesen pemancar. Proses ini melibatkan perubahan kepada frekuensi kedua sahaja.

Jadual kerja-kerja penyusunan semula frekuensi adalah seperti berikut:

No	Tarikh	Stesen Pemancar	Frekuensi Lama		Frekuensi Baharu	
			Frekuensi Pertama	Frekuensi Kedua	Frekuensi Pertama	Frekuensi Kedua
1	4 Februari 2020	Bukit Fraser	CH45 (666MHz)	CH49 (698MHz)	CH45 (666MHz)	CH43 (650MHz)
2	6 Februari 2020	Gunung Ulu Kali	CH45 (666MHz)	CH49 (698MHz)	CH45 (666MHz)	CH43 (650MHz)

Kawasan yang terlibat adalah terletak di kawasan Selangor utara dan timur, Lembah Klang dan kawasan Pahang barat.

Anda dinasihat agar meletakkan dekoder atau TV berintegrasi digital (IDTV) di dalam keadaan 'standby mode'. Sekiranya terdapat masalah penerimaan siaran selepas kerja-kerja penyusunan frekuensi ini, anda perlu melakukan **PENALAAN SEMULA** dekoder atau IDTV anda bagi mendapatkan frekuensi yang baharu.

Anda juga boleh menyemak senarai frekuensi yang baru di laman sesawang MYTY <https://www.mytvbroadcasting.my/pdf/Lists-of-frequency.pdf>.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1800-18-1088.

Pusat Khidmat Pelanggan MYTV 1800-18-1088

www.mytvbroadcasting.my